

**A Pemegang Amanah Lembaga Zakat dan satu lagi lwn Hj Saari  
bin Sungib**

**B** MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — GUAMAN CIVIL NO 21–386  
TAHUN 2009  
SURAYA OTHMAN H  
3 JUN 2013

**C** *Tort — Fitnah — Libel — Artikel berunsur fitnah disiarkan dalam akhbar —  
Tuduhan bahawa wang zakat dilaburkan — Kenyataan dibuat dalam sidang  
Dewan Undangan Negeri dan diulangi luar persidangan DUN — Permohonan  
ganti rugi dan injunksi menghalang defendan daripada mengakibatkan  
penerbitan perkataan-perkataan fitnah — Sama ada kenyataan-kenyataan  
bersifat memfitnah — Sama ada kenyataan-kenyataan mengakibatkan kerugian  
— Sama ada defendan boleh membangkitkan pembelaan perlindungan mutlak  
— Perlembagaan Persekutuan perkara 72(2)*

**E** Tuntutan plaintif-plaintif adalah berasaskan tort libel bagi artikel bertajuk  
'Siasat Pindah Wang LZS' ('artikel pertama') yang telah diterbitkan dalam  
akhbar *Sinar Harian* yang mana defendan dikatakan membuat tohmahan atau  
tuduhan bahawa telah berlakunya satu urusan pelaburan wang Lembaga Zakat  
Selangor oleh plaintif. Defendan, seorang ahli Dewan Undangan Negeri  
(ADUN) Selangor telah membuat dakwaan mengenai pelaburan wang zakat  
ketika berada di dalam Dewan Undangan Negeri ('DUN'). Di luar  
persidangan DUN, defendan mengulangi kenyataannya lagi dan  
mencadangkan agar satu siasatan dibuat. Dalam kenyataannya, wang zakat  
yang berjumlah jutaan ringgit tersebut dikatakan tidak diagihkan tetapi telah  
dipindahkan daripada deposit tetap ke akaun pelaburan Takaful Structured  
Invest di bawah MAA Takaful. Walaupun telah menafikan kenyataan defendan  
dalam akhbar yang sama, defendan sekali lagi menyebabkan penerbitan  
perkataan libel diterbitkan dalam akhbar yang sama melalui artikel 'Isu LZS:  
Saari Enggan mengalah' ('artikel kedua'). Oleh itu, plaintif-plaintif menuntut  
ganti rugi dan injunksi menghalang defendan daripada mengakibatkan  
penerbitan perkataan-perkataan fitnah terhadap plaintif-plaintif. Isu-isu yang  
timbul untuk diputuskan oleh mahkamah adalah sama ada kenyataan  
defendan di luar persidangan DUN bersifat memfitnah; sama ada kenyataan  
defendan yang dicetak dan diterbitkan dalam artikel pertama dan kedua  
bersifat fitnah; sama ada defendan boleh dipertanggungjawabkan atas  
kenyataan-kenyataannya yang telah diterbitkan dalam artikel pertama dan  
kedua tersebut oleh pihak ketiga; dan sama ada kenyataan defendan telah  
mengakibatkan plaintif-plaintif mengalami kerugian. Dalam pembelaannya,  
defendan menyatakan bahawa beliau tidak menafikan ada membuat kenyataan  
di luar DUN tetapi ia bersifat akademik tanpa niat serong. Defendan juga tidak

menafikan telah menyebabkan penerbitan artikel tetapi sebagai seorang ADUN, defendan boleh membahaskan isu awam dan dilindungi oleh imuniti. Defendan mengemukakan pembelaan perlindungan mutlak dengan menyatakan bahawa beliau dilindungi di bawah perkara 72(2) Perlembagaan Persekutuan.

A

B

**Diputuskan**, membenarkan tuntutan dengan kos sebanyak RM30,000:

- (1) Untuk berjaya dalam tuntutan pampasan bagi kes fitnah, beban pembuktian terletak pada plaintif-plaintif untuk membuktikan perkataan-perkataan yang dituturkan oleh defendan dan dicetak dalam artikel-artikel berkaitan adalah berbentuk fitnah; perkataan-perkataan dan artikel-artikel tersebut merujuk kepada plaintif-plaintif; dan perkataan-perkataan dan artikel-artikel tersebut telah disampaikan kepada pihak ketiga iaitu telah disiarkan atau diterbitkan (lihat perenggan 33).
- (2) Defendan tidak dapat membuktikan bahawa plaintif-plaintif tidak mengagihkan wang zakat bernilai jutaan ringgit kepada golongan yang sepatutnya kerana wang tersebut telah dipindahkan kepada akaun Takaful Structured Invest. Ini adalah kerana dalam artikel kedua, defendan menyatakan bahawa beliau mempunyai bukti mengenai dakwaan tersebut. Namun, ketika perbicaraan dijalankan, beliau tidak dapat mengemukakan sebarang bukti yang jelas untuk menyokong dakwaan tersebut. Malahan plaintif-plaintif yang memberikan keterangan dan menjelaskan bahawa setelah audit dilakukan, tiada sebarang bukti yang menyokong tuduhan defendan tersebut. Oleh itu, dakwaan defendan dalam artikel pertama dan artikel kedua adalah palsu dan tidak benar. Maka, artikel pertama dan kedua tersebut mengandungi unsur-unsur fitnah (lihat perenggan 45).
- (3) Merujuk kepada artikel pertama dan kedua, tidak dinafikan bahawa artikel-artikel tersebut hanya merujuk kepada Lembaga Zakat Selangor dan tidak merujuk kepada Pemegang Amanah Lembaga Zakat Selangor ('plaintif pertama') dan Majlis Agama Islam Selangor ('plaintif kedua'). Sesuatu pernyataan masih boleh dianggap merujuk kepada plaintif, walaupun tanpa menyebut namanya, asalkan keadaan boleh membuat orang yang mengenali plaintif secara munasabah mempercayai bahawa kenyataan tersebut merujuk kepadanya. Sesiapa yang mengambil bahagian dalam penerbitan pemyataan-pernyataan libel dalam apa cara sekalipun, dengan syarat 'he intended the natural consequences of his act', iaitu beliau dapat menjangkakan, pada masa beliau membuat kenyataan-kenyataan tersebut bahawa akibat lazim daripada perbuatannya itu ialah penerbitan pernyataan fitnah akan diterbitkan, maka beliau adalah turut sama bertanggungjawab ke atas penerbitannya (lihat perenggan 52).

C

D

E

F

G

H

I

- A (4) Adalah jelas bahawa defendan ada menyatakan dalam artikel kedua bahawa beliau mempunyai maklumat lengkap mengenai dakwaan tersebut. Namun setelah perbicaraan selesai dijalankan, beliau gagal mengemukakan sebarang bukti mengenai tuduhan beliau tersebut atau mengemukakan sebarang maklumat untuk membuktikan bahawa
- B dakwaan beliau adalah benar. Oleh yang demikian, pembelaan komen berpatutan tidak terpakai ke atas dakwaan berunsur fitnah yang dibuat oleh defendan (lihat perenggan 59).
- C (5) Defendan gagal membuktikan bahawa beliau wajar dilindungi oleh pembelaan perlindungan mutlak. Ini kerana defendan sendiri telah mengakui bahawa beliau telah mengulangi usul yang beliau telah buat di dalam DUN kepada seorang wartawan akhbar *Sinar Harian* selepas selesai persidangan DUN dan di luar persidangan tersebut. Menurut
- D perkara 72(2) Perlembagaan Persekutuan dan Akta Fitnah 1957, dan kes-kes yang diputuskan sebelum ini, seseorang ahli politik sama ada dari kalangan kerajaan atau pembangkang tidak diberi perlindungan mutlak atas apa-apa kenyataan yang dibuat atau diulangi luar persidangan Parlimen atau DUN. Oleh itu, pembelaan tersebut tidak terpakai kepada defendan (lihat perenggan 71).
- E (6) Ganti rugi sejumlah RM100,000 adalah berpatutan dan sesuai diawardkan sebagai ganti rugi teruk atau terlampau kepada
- F plaintif-plaintif dalam kes ini. Award ini mengambil kira kedudukan dan status plaintif-plaintif dalam komuniti atau masyarakat Islam. Ia juga mengambil kira perlakuan defendan yang selepas penjelasan diberi oleh
- G MAIS yang menafikan tuduhan tersebut, defendan masih tidak mahu atau enggan memohon maaf dan menarik balik pernyataan libel tersebut. Malah defendan mencabar plaintif-plaintif dengan dakwaan bahawa beliau mempunyai 'maklumat lengkap' berhubung tuduhan beliau bahawa plaintif-plaintif tidak mengagihkan wang zakat kepada mereka yang berhak menerimanya tetapi sebaliknya memindahkan berjuta-juta wang tersebut ke dalam akaun Takaful Structured Invest di bawah MAA Takaful (lihat perenggan 81).

**[English summary]**

- H The plaintiffs' claim was based on the tort of libel for an article entitled 'Siasat Pindah Wang LZS' ('the first article') which was published in the *Sinar Harian* newspaper in which the defendant was alleged to have made an imputation or allegation that there was a dealing of an investment of the Lembaga Zakat Selangor monies by the plaintiff. The defendant, a member of the State
- I Legislative Assembly of Selangor ('ADUN') had made such allegation about the investment of *zakat* monies when he was inside the State Legislative Hall ('DUN'). Outside the DUN assembly, the defendant repeated his statement and suggested for an investigation to be carried out. In his statement, the said *zakat* monies in the amount of millions were said to not have been distributed

but instead transferred from a fixed deposit to the investment account of Takaful Structured Invest under the MAA Takaful. Even though he had denied the said statements in the same newspaper, the defendant again caused the publication of the libel words to be published in the same newspaper under the article of 'Isu LZS: Saari Enggan mengalah' ('the second article'). Therefore, the plaintiffs claimed for damages and injunction restraining the defendant from causing the publication of libellous words against the plaintiffs. The arising issues to be decided by the court was whether the defendant's statement made outside the DUN assembly was libellous; whether the defendant's statements printed and published in the first and second articles libellous; whether the defendant could be made liable for the statements published by a third party in the first and second articles; and whether the defendant's statements had caused damages to the plaintiffs. In his defence, the defendant did not deny making a statement outside the DUN assembly but claimed that it was academic in nature without any ulterior motive. The defendant also did not deny to having caused the publication of the article but as an ADUN, the defendant debated about public matters and was protected by immunity. The defendant brought forth the defence of absolute privileges by stating that he was protected under art 72(2) of the Federal Constitution.

**Held**, allowing the claim with costs of RM30,000:

- (1) In order to succeed in the damages claim for a defamation case, the burden of proof lies upon the plaintiffs to prove that the words uttered by the defendant and published in the articles were libellous in nature; the words and articles referred to the plaintiffs; and the words and articles were communicated to a third party in which it was broadcasted or published (see para 33).
- (2) The defendants could not prove that the plaintiffs did not distribute the *zakat* monies in the amount of millions to the deserving group of people because the money was transferred to Takaful Structured Invest account. This was because in the second article, the defendant alleged that he had proof about the said allegation. However, when the trial was on-going, he could not adduce any concrete evidence to support the allegation. In fact, the plaintiffs gave evidence and argued that after audit had been carried out, there was no proof to support the defendant's allegation. Hence, the defendant's allegations in the first and second article were false and not true. Therefore, the first and second articles contained elements of libel (see para 45).
- (3) In reference to the first and second articles, it could not be disputed that the articles only referred to Lembaga Zakat Selangor and did not at all refer to the Trustees of Lembaga Zakat Selangor ('the first plaintiff') and Majlis Agama Islam Selangor ('the second plaintiff'). A statement could still be said to have referred to the plaintiff, even without pronouncing his

A

B

C

D

E

F

G

H

I

- A name, provided that circumstances could have made the persons who knew the plaintiff to have reasonable belief that the statements referred to the latter. Anyone who took part in the publication of the libellous statements in whichever way, as long as he intended the natural consequences of his act, which could have been foreseen, at the time he
- B made such statement that the common consequence of his action which was the publication of the statements would be published, hence he would be made liable of the publication (see para 52).
- C (4) It was clear that the defendant did mention the second article that he had complete details about the said allegation. However, after the trial had been completed, he failed to adduce any evidence about his allegation or adduce any information to prove that his allegations were true. Therefore, the defence of fair comments was not application to the libellous allegations made by the defendant (see para 59).
- D (5) The defendant failed to establish as to why he ought to be protected under the defence of absolute privilege. This was because the defendant himself had admitted that he had repeated the motion which he had made in the DUN assembly to a *Sinar Harian* newspaper reported after the closing of the DUN assembly and outside the assembly. By virtue of art 72(2) of the Federal Constitution and the Defamation Act 1957, and decided cases, a politician, whether on the government's party or the opposition, would not be given absolute right on any statements made or repeated outside the Parliament or DUN assembly. Therefore, the defence was not applicable to the defendant (see para 71).
- E (6) Damages in the amount of RM100,000 was appropriate and suitable to be awarded as aggravated or excessive damages to the plaintiffs in this case. The award took into consideration the positions and statuses of the plaintiffs within the community or the Muslim community. It also took into account the defendant's act after being explained by MAIS which denied the allegation, the defendant still did not want or refused to apologise and retract the libellous statements. In fact, the defendant challenged the plaintiffs with the allegation that he had complete details in relation to his allegation that the plaintiffs did not distribute the *zakat* monies to those who deserve to receive them but had instead transferred millions of monies to the Takaful Structured Invest account under MAA Takaful (see para 81).]

I **Nota-nota**

Untuk kes-kes mengenai libel, lihat 12(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2013 Reissue) perenggan 523–723.

**Kes-kes yang dirujuk**

- Abdul Rahman Talib v Seenivasagam & Anor* [1966] 2 MLJ 66, MP (diikut)
- Abu Samah bin Omar v Zainal bin Montel* [2004] 5 MLJ 377, MT (dirujuk)
- Adam v Ward* [1917] AC 309, HL (dirujuk)
- Astaire v Campling* [1965] 3 All ER 666, MR (dirujuk)
- Ayob bin Saud v TS Sambanthamurthi* [1989] 1 MLJ 315; [1989] 1 CLJ (Rep) 321, MT (dirujuk)
- Baltrop v Canadian Corp* (1978) 86 DLR 61 (dirujuk)
- Bataille v Newland* [2002] All ER (D) 480 (Jul); [2002] EWHC 1692, QBD (diikut)
- Buchanan v Jennings* [2005] 1 AC 115, PC (dirujuk)
- Chok Foo Choo @ Chok Kee Lian v The China Press Bhd* [1999] 1 MLJ 371; [1997] 1 CLJ 461, MR (dirujuk)
- Daniels v Griffith* [1998] EMLR 489 (dirujuk)
- Dato' Musa Hitam v SH Alattas & Ors* [1991] 2 CLJ 487 (dirujuk)
- Huth v Huth* [1915] 3 KB 32, MR (dirujuk)
- Institute of Commercial Management United Kingdom v New Straits Times Press (Malaysia) Bhd* [1993] 1 MLJ 408; [1993] 2 CLJ 365, MT (dirujuk)
- Ismail bin Shamsudin v Abdul Aziz bin Abdan and other suits* [2007] 3 MLJ 512; [2007] 8 CLJ 65, MT (diikut)
- Jeyaretnam Joshua Benjamin v Lee Kuan Yew & Anor* [1992] 2 SLR 310, MR (dirujuk)
- Jeynes v News Magazines Ltd* [2008] EWCA Civ 130, MR (dirujuk)
- Kian Lup Construction v Hongkong Bank Malaysia Bhd* [2002] 7 MLJ 283; [2002] 7 CLJ 32, MT (diikut)
- Lewis v Daily Telegraph Ltd* [1964] AC 234, HL (dirujuk)
- Lincoln v Daniels* [1962] 1 QB 237, MR (dirujuk)
- Ling Wah Press (M) Sdn Bhd & Ors v Tan Sri Dato Vincent Tan Chee Yioun* [2000] 4 MLJ 77, MP (dirujuk)
- MGG Pillay v Tan Sri Dato' Vincent Tan Chee Yioun & Other Appeals* [1995] 2 MLJ 493, MP (dirujuk)
- Mann v O'Neill* (1997) 145 ALR 682; (1977) 71 ALJR 903, MT (dirujuk)
- Morgan v Odhams Press Ltd* [1971] 1 WLR 1239, HL (dirujuk)
- Purcell & Anor v Crusising Yacht Club of Australia* [2001] NSWSC 927, MA (diikut)
- S Pakianathan v Jenni Ibrahim* [1988] 2 MLJ 173, MA (dirujuk)
- S v Newham London Borough Council* [1998] IRLR 253 (dirujuk)
- Seaga v Harper* [2009] AC 1, PC (dirujuk)
- Smith v Streatfield* [1913] 3 KB 764, KBD (dirujuk)
- Sutcliffe v Pressdram Ltd* [1991] 1 QB 153, MR (dirujuk)
- Tjanting Handicraft Sdn Bhd & Anor v Utusan Melayu (Malaysia) Sdn Bhd & Ors* [2001] 2 MLJ 574, MT (dirujuk)
- Tun Datuk Patinggi Haji Abdul-Rahman Ya'Kub v Bre Sdn Bhd & Ors* [1996] 1 MLJ 393, MT (dirujuk)

A

B

C

D

E

F

G

H

I

- A *Waple v Surrey County Council* [1998] 1 WLR 860, MR (dirujuk)  
*Webb v Bloch & Ors* (1928) 41 CLR 331 (diikut)  
*Woodling v Knickerbocker* (1883) 31 Minn 268 (diikut)

#### Undang-undang yang dirujuk

- B Akta Fitnah 1957 s 12  
Akta Keterangan 1950 ss 59, 60  
Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 (Akta 258)  
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 ss 4(1), 7(2), b  
Perlembagaan Persekutuan perkara 10, 72, 72(2)
- C *Hasnal Rezua Merican (The Chambers of Kamarul Hisham) bagi pihak  
plaintif-plaintif.*  
*Anuar Ezzad Zainal (Hasshabari & Partners) bagi pihak defendan.*

#### D **Suraya Othman H:**

##### PENGENALAN

- E [1] Tuntutan plaintif-plaintif terhadap defendan berasaskan libel (fitnah bertulis) yang telah diterbitkan melalui artikel di dalam akhbar *Sinar Harian* pada 17 Mac 2009. Penerbitan artikel tersebut adalah daripada kenyataan defendan yang telah dibuat kepada seorang wartawan *Sinar Harian* di luar persidangan Dewan Undangan Negeri pada 16 Mac 2009. Di dalam kenyataan tersebut, defendan telah membuat tohmahan atau tuduhan bahawa
- F telah berlakunya satu urusan pelaburan wang Lembaga Zakat Selangor oleh plaintif di mana dikatakan wang zakat berjumlah berjuta-juta ringgit telah tidak diagihkan tetapi sebaliknya dipindahkan dari deposit tetap ke akaun pelaburan Takaful Structured Invest di bawah MAA Takaful. Plaintif-plaintif mendakwa bahawa defendan telah menyebabkan atau mengakibatkan
- G penerbitan kenyataan libel (tuduhan) tersebut di dalam akhbar *Sinar Harian*. Plaintif juga mendakwa bahawa selepas plaintif menafikan kenyataan defendan dan memberi penjelasan di mana penjelasan plaintif tersebut telah diterbitkan di dalam akhbar yang sama pada 18 Mac 2009; defendan telah sekali lagi menyebabkan penerbitan perkataan libel lanjutan di dalam akhbar yang sama
- H pada 19 Mac 2009. Oleh itu plaintif-plaintif menuntut ganti rugi-ganti rugi am, teladan, teruk/terlampau (*aggravated*), faedah, kos dan injunksi menghalang defendan daripada mengakibatkan penerbitan perkataan-perkataan fitnah terhadap plaintif-plaintif selanjutnya.

#### I FAKTA KES

[2] Plaintif pertama adalah satu perbadanan yang didaftarkan menurut Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 (Akta 258) — Trustees (Incorporation) Act 1952 dan plaintif kedua adalah merupakan satu badan

berkanun yang ditubuhkan menurut peruntukan sub-s 4(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003. A

[3] Selanjutnya, melalui satu surat ikatan amanah yang diperbuat pada 6 Januari 2006, plaintif kedua di dalam menjalankan kuasa-kuasanya menurut s 7(2)(b) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 telah memperbadankan plaintif pertama dengan objektif untuk menggalak, mempromosi dan mentadbirkan kutipan pembayaran segala bentuk zakat, pemberian sedekah di kalangan umat Islam dan mengambil langkah-langkah dan usaha untuk pembangunan sosio-ekonomi umat Islam di Negeri Selangor. B  
C

[4] Defendan pula merupakan seorang ahli akademik dan juga ahli Dewan Undangan Negeri ('ADUN') Selangor bagi kawasan Hulu Kelang sehingga kini.

[5] Ketika berada di dalam Dewan Undangan Negeri (DUN), defendan telah membuat dakwaan bahawa telah berlakunya satu urusan pelabuhan wang Lembaga Zakat Selangor ('LZS') oleh plaintif di mana dikatakan wang zakat berjumlah berjuta-juta ringgit telah tidak diagihkan tetapi sebaliknya dipindahkan dari deposit tetap ke akaun pelaburan Takaful *Structured Invest* di bawah MAA Takaful. Defendan telah mengusulkan supaya siasatan dibuat terhadap dakwaan beliau tersebut. D  
E

[6] Defendan telah kemudiannya membuat satu kenyataan (kenyataan defendan) di luar persidangan DUN pada 16 Mac 2009 kepada seorang wartawan *Sinar Harian* mengulangi dakwaan beliau semasa didalam persidangan tersebut dan mencadangkan satu siasatan dibuat berhubung pengurusan dan pengagihan wang LZS oleh Majlis Agama Islam Selangor ('MAIS'). F

[7] Plaintif-plaintif telah mengambil tindakan menyaman defendan. Tuntutan plaintif-plaintif berasaskan kepada artikel-artikel mengenai plaintif yang didakwa berunsur fitnah di mana penerbitannya adalah berpunca daripada kenyataan yang dibuat oleh defendan di luar persidangan Dewan Undangan Negeri ('DUN') Selangor pada 16 Mac 2009 kepada seorang wartawan *Sinar Harian*. Kenyataan defendan pada 16 Mac 2009 telah dirakam secara 'verbatim' oleh wartawan tersebut dan terkandung dalam para 5 pernyataan tuntutan seperti berikut: G  
H

Pada 11 haribulan 12 saya dapat maklumat dari sumber-sumber yang amat dipercayai bahawa sumber tersebut ada gap antara duit masuk kutipan Lembaga Zakat dengan duit agihan. Kalau boleh saya tidak mahu dedahkan amaun, dia ada percentage kutipan dan agihan. Dan dari segi maklumat dalamannya, apa yang berlaku adalah dalam Lembaga Pengarah, LZS tidak ada kuasa tentang agihan dan ia dibawah Lembaga MAIS. Dan kemudian pada 11 haribulan 12 saya terima I



- A** *makluman bahawa duit yang beza itu yang tidak diagihkan itu diletak dalam deposit. Pada 11 haribulan 12 dipindahkan berjuta-juta ringgit kepada akaun yang skim takaful anjuran dibawah MAA Takaful menjelaskan nama program Takaful Link Structured Invest di bawah MAA Takaful.* Itu satu usahalah, kerana dalam konteks hari ini, duit yang lebih selamat adalah duit deposit dalam kegawatan ekonomi.
- B** Lebih selamat dalam fixed deposit, akaunnya ada pulangan. Kalau invest, daripada dapat hinggalah ke kosong. *Jadi itu risiko yang sangat besar dibuat oleh Lembaga Pengarah Majlis MAIS yang disaran perlu siasat.* Tetapi apa yang menarik adalah maklumat saya menyatakan di antara bil adalah pelaburan itu menjanjikan perlindungan takaful pada investor. Jadi kalau investor, adakah ia institusi, adakah ia Lembaga Zakat ataupun MAIS ataupun Ahli Lembaga Majlis. Kalau ada Ahli Lembaga sendiri, maknanya itu merupakan satu perkara curigalah.
- C** Bagaimana dia menguruskan dana institusi yang dilaburkan dan bil itu dapat perlindungan peribadi ataupun apa-apa bentuk seperti yang saya cakap tadi. 11 haribulan 12, 2008 masa itu kita ada beritahu pada Dato' Hassan Ali semalam, tetapi dia tidak tahu menahulah. Jadi saya berkesempatan beritahu perkara ini
- D** semalam ..., jadi nak siasat institusi saya ingat tidak ada masalah. (Penekanan ditambah.)
- E** [8] Kenyataan tersebut kemudiannya telah diterbitkan oleh *Sinar Harian* pada 17 Mac 2009 di bawah tajuk 'Siasat Pindah Wang LZS' Berikut diturunkan perenggan pertama dan kedua artikel dalam *Sinar Harian* yang bertarikh 17 Mac 2009 ('artikel pertama') berbunyi sedemikian:
- Shah Alam — ADUN Hulu Klang, Saari Sungib mendesak Lembaga Zakat Selangor (LZS) disiasat berikutan pemindahan wang berjuta-juta ringgit yang tidak diagihkan pada 11 Disember 2008 ke MAA Takaful.
- F** Menurut beliau, sejumlah kutipan LZS yang sebelum ini disimpan dalam deposit tetap, dipindahkan kepada akaun Takaful Structured Invest.
- G** [9] Selepas itu, pada 18 Mac 2009 pihak plaintif-plaintif telah memberikan penjelasan dan menafikan kenyataan yang telah mengakibatkan penerbitan artikel tersebut. Satu artikel mengenai penjelasan dan penafian oleh plaintif-plaintif telah diterbitkan oleh akhbar *Sinar Harian* dan *Utusan Malaysia* yang masing-masing diterbitkan pada 18 Mac 2009. Artikel dalam
- H** *Sinar Harian* bertajuk 'Adun Hulu Kelang digesa mohon maaf' dan artikel dalam *Utusan Malaysia* pula bertajuk 'Mais mahu Saari Sungib mohon maaf buat kenyataan berbau fitnah'. Kenyataan di dalam akhbar *Sinar Harian* berbunyi sedemikian:
- I** Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) *menggesa* Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Hulu Kelang, Saari Sungib supaya memohon maaf dan menarik balik kenyataan yang dibangkitkan dalam siding Dewan Undangan Negeri kelmarin *atau akan berhadapan dengan tindakan undang-undang sekiranya gagal berbuat demikian.* Dato' Setia Mohamad Adzib Mohd Isa berkata, kenyataan tersebut berbau fitnah serta menjatuhkan imej dan integriti MAIS secara keseluruhannya yang dinaungi

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah. MAIS menafikan sekeras-kerasnya tuduhan tidak bertanggungjawab yang dilemparkan beliau mengenai Lembaga Zakat Selangor dan perlu membuktikan ia berlaku. *Ini disebabkan MAIS mahupun LZS tidak pernah memindah atau merancang untuk melakukan sedemikian terhadap wang zakat yang belum diagihkan. Wang zakat yang belum diagihkan itu disimpan di dalam akaun simpanan tetap sama ada di dalam Bank Islam mahupun di Bank Rakyat yang dijamin dari segi keselamatan dan patuh syariah.* Wang zakat yang belum diagihkan perlu disimpan di bank melalui sistem Mudharabah sebelum ia disalurkan dan diagihkan kepada golongan yang berhak melalui program dan aktiviti yang dirancang. Malah sebarang pindahan zakat atau pindahan wang mahupun Baitulmal perlu mendapat kelulusan jawatankuasa yang berkaitan samaada MAIS mahupun Lembaga Zakat Selangor. (Penekanan ditambah.)

A

B

C

[10] Namun begitu, defendan telah membalas atau respons kepada artikel di atas dengan sebuah lagi artikel mengenai plaintif yang bertajuk 'Isu LZS: Saari enggan mengalah' dan respons defendan ini telah diterbitkan di dalam akhbar *Sinar Harian* pada 19 Mac 2009. Selanjutnya diturunkan perenggan pertama, kedua, ketiga dan ketujuh artikel *Sinar Harian* bertarikh 19 Mac 2009 ('artikel kedua') berbunyi sedemikian:

D

*ADUN Hulu Kelang Saari Sungib tidak akan menarik balik kenyataan yang dibangkitkan dalam Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) berikutan pemindahan wang berjuta ringgit yang tidak diagihkan pada 11 Disember 2008 ke MAA Takaful.*

E

Sebaliknya menurut beliau, usul tersebut dibahaskan untuk mendesak Suruhjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan penyiasatan secara lebih telus, berani dan cekap kepada pentadbiran kerajaan Pakatan Rakyat (PR) di negeri ini.

F

Jadi saya tidak perlu untuk berbuat demikian (minta maaf) kerana ketika berada di dalam dewan, setiap ADUN mempunyai imuniti untuk membahaskan setiap usul.

*Mengulas mengenai perkara itu, Saari berkata, tidak timbul isu fitnah atau ingin menjatuhkan imej serta integriti pihak berkenaan sebaliknya beliau mempunyai maklumat lengkap berhubung isu tersebut.* (Penekanan ditambah.)

G

#### KES PLAINTIF

[11] Berdasarkan perenggan 9 pernyataan tuntutan, plaintif menyatakan bahawa maksud semula jadi serta lazim perkataan-perkataan tersebut seperti yang diplid untuk artikel pertama adalah seperti berikut:

H

- (a) bahawa plaintif-plaintif telah bertindak secara menyalahgunakan kuasa-kuasa mereka serta amanah yang diletakkan ke atas mereka di dalam pengurusan kutipan zakat umat Islam di Negeri Selangor;
- (b) bahawa plaintif-plaintif telah secara sulit dan secara tidak sah melaburkan wang kutipan zakat di dalam satu institusi komersial dengan tujuan untuk mengaut keuntungan daripadanya;

I

- A** (c) bahawa plaintif-plaintif telah bertindak secara cuai dan/atau secara sembrono di dalam mendedahkan wang kutipan zakat yang didakwa kononnya dilaburkan kepada risiko kerugian pelaburan berkenaan di dalam pasaran yang tidak menentu;
- B** (d) bahawa plaintif-plaintif telah melakukan pecah amanah dan keyakinan yang diletakkan ke atas mereka oleh umat Islam di Negeri Selangor;
- (e) bahawa plaintif-plaintif telah berlaku tidak jujur dan/atau bertindak secara korup di dalam kononnya melakukan pelaburan berkenaan secara sulit tanpa mendedahkan perkara tersebut kepada umat Islam di Negeri Selangor;
- C** (f) bahawa plaintif-plaintif telah tidak melaksanakan kewajipan mereka untuk mengagihkan keseluruhan dana zakat yang dikutip daripada umat Islam di Negeri Selangor kepada asnaf-asnaf yang berhak menerimanya;
- D** (g) bahawa plaintif-plaintif telah tidak mengagihkan keseluruhan dana zakat tersebut secara sengaja dengan tujuan untuk menggunakan jumlah yang tidak diagihkan bagi tujuan pelaburan dengan hasrat untuk mengaut keuntungan;
- E** (h) bahawa penggunaan dana zakat yang tidak diagihkan oleh plaintif-plaintif sebaliknya untuk tujuan pelaburan adalah bercanggah dengan hukum syarak dan/atau undang-undang Islam; dan
- (i) berdasarkan kepada perkara-perkara yang diplidkan di atas, plaintif-plaintif tidak layak untuk menjalankan kewajipan dan melaksanakan beban amanah yang ditempatkan di atas mereka.
- F**
- [12] Plaintif juga menyatakan bahawa merujuk kepada perenggan 33 pernyataan tuntutan, maksud semula jadi serta lazim dan/atau tersirat perkataan-perkataan dalam artikel kedua adalah seperti berikut:
- G** (a) bahawa pengerusi plaintif kedua, dan secara kaitannya plaintif pertama dan plaintif kedua, telah memberikan maklumat palsu di dalam kenyataan akhbar bertarikh 17 Mac 2009 dan 18 Mac 2009 seperti yang diplid dalam perenggan-perenggan 29 dan 30 di sini;
- H** (b) bahawa pengerusi plaintif kedua, dan secara kaitannya plaintif pertama dan plaintif kedua, masih cuba untuk melindungi pelaburan yang didakwa daripada pengetahuan masyarakat Islam di Negeri Selangor;
- (c) bahawa pengerusi plaintif kedua dan secara kaitannya plaintif pertama dan plaintif kedua, masih berusaha untuk mengaut keuntungan secara sulit daripada pelaburan yang didakwa.
- I**

[13] Plaintif juga menyatakan bahawa defendan tidak menafikan ada membuat kenyataan tersebut di luar persidangan Dewan Undangan Negeri

Selangor kepada wartawan *Sinar Harian* pada 16 Mac 2009 di dalam pernyataan pembelaan. Dalam perkara ini, defendan juga tidak menafikan mengakibatkan penerbitan pada 17 Mac 2009 dan 19 Mac 2009 di dalam pernyataan pembelaan.

A

[14] Selanjutnya, plaintif berpendirian bahawa pembelaan-pembelaan yang dibangkitkan oleh defendan di dalam pernyataan pembelaan adalah merupakan pembelaan komen berpatutan (*fair comment*) dan perlindungan bersyarat (*qualified privilege*). Defendan tidak mengemukakan pembelaan justifikasi (*justification*). Namun begitu, semasa perbicaraan kes ini, defendan telah mengemukakan pembelaan perlindungan mutlak (*absolute privilege*), iaitu defendan adalah dilindungi di bawah art 72 Perlembagaan Persekutuan.

B

C

#### KES DEFENDAN

[15] Defendan adalah seorang ahli akademik dan juga ahli Dewan Undangan Negeri ('ADUN') Selangor bagi kawasan Hulu Kelang. Adalah menjadi kes defendan bahawa ketika berada di dalam Dewan Negeri, defendan telah mengusulkan perkara berkenaan dakwaan bahawa kemungkinan telah berlakunya satu urusan pelaburan wang Lembaga Zakat Selangor ('LZS') oleh plaintif kedua, di mana dikatakan wang zakat telah dipindahkan dari deposit tetap ke akaun pelaburan Takaful Structured Invest di bawah MAA Takaful ('usul tersebut').

D

E

[16] Sebagai pembelaan, defendan menyatakan bahawa tujuan usul tersebut dikemukakan adalah untuk memberikan cadangan usul satu siasatan dibuat demi melindungi kepentingan masyarakat Islam Negeri Selangor oleh plaintif kedua dan bukanlah membuat tohmahan mengenai pecah amanah mahupun pelanggaran hukum syarak terhadap plaintif-plaintif. Defendan menegaskan bahawa usul tersebut dibuat hanya atas polisi awam semata-mata, agar pengurusan wang Lembaga Zakat Selangor ('LZS') dilaksanakan secara sistematik dan diuruskan dengan baik serta segala dakwaan terhadap urusan zakat di Selangor diberi penjelasan dalam Dewan Negeri pada hari tersebut.

F

G

[17] Defendan kemudiannya telah membuat satu kenyataan ('kenyataan defendan tersebut') di luar persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor yang mencadangkan supaya satu siasatan dibuat berhubung pengurusan dan pengagihan wang Lembaga Zakat Selangor (LZS) oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) (plaintif kedua) pada 16 haribulan Mac 2009.

H

I

[18] Defendan selanjutnya berpendirian bahawa kenyataan defendan tersebut telah disiarkan di akhbar *Sinar Harian* bertarikh 17 Mac 2009 (artikel pertama) dan selepas itu artikel kedua yang berkaitan telah disiarkan di akhbar yang sama pada 19 Mac 2009 di mana kedua-dua artikel ini diterbitkan tanpa

A kebenaran defendan.

*Isu-isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah*

- B (a) Sama ada kenyataan defendan di luar persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor pada 16 Mac 2009 seperti yang diplidkan di dalam perenggan 5 pernyataan tuntutan ('kenyataan defendan tersebut') adalah bersifat fitnah terhadap plaintif-plaintif;
- C (b) Sama ada kenyataan defendan yang dicetak dan diterbitkan di bawah tajuk *Siasat Pindah Wang LZS* ('kenyataan defendan dalam artikel pertama') di dalam surat khabar *Sinar Harian* bertarikh 17 Mac 2009 adalah bersifat fitnah terhadap plaintif-plaintif;
- D (c) Sama ada kenyataan defendan yang dicetak dan diterbitkan di bawah tajuk 'Isu LZS: Saari enggan mengalah' ('kenyataan defendan dalam artikel kedua') di dalam surat khabar *Sinar Harian* bertarikh 19 Mac 2009 adalah bersifat fitnah terhadap plaintif-plaintif;
- E (d) Sama ada defendan boleh dipertanggungjawabkan atas kenyataan-kenyataan defendan yang mana telah diterbitkan di dalam artikel pertama dan kedua tersebut oleh pihak ketiga (akhbar *Sinar Harian*); dan
- (e) Sama ada kenyataan defendan telah mengakibatkan plaintif-plaintif mengalami kerugian.

F

#### HUJAHAN PLAINTIF

- G [19] Mengenai isu penerbitan, En Hasnal Rezua Merican, peguam yang mewakili plaintif-plaintif memperincikan bahawa defendan telah mengemukakan pembelaan dengan menyatakan bahawa memandangkan akhbar *Sinar Harian* tidak memperolehi kebenaran beliau untuk menerbitkan kenyataan-kenyataan berkenaan, maka defendan tidak boleh dipertanggungjawabkan. Dalam isu ini peguam plaintif menghujahkan
- H bahawa sesiapa yang mengambil bahagian di dalam penerbitan pernyataan-pernyataan libel dalam apa cara sekalipun, dengan syarat 'he intended the natural consequences of his act', iaitu beliau dapat menjangkakan bahawa akibat lazim daripada perbuatannya itu ialah penerbitan pernyataan fitnah akan diterbitkan, maka beliau adalah turut sama bertanggungjawab ke
- I atas penerbitannya. Prinsip ini adalah selaras dengan undang-undang yang digariskan di dalam kes *Bataille v Newland* [2002] All ER (D) 480 (Jul); [2002] EWHC 1692, QB (QB); *Purcell & Anor v Crusising Yacht Club of Australia* [2001] NSWSC 927; *Woodling v Knickerbocker* (1883) 31 Minn 268; *Webb v Bloch & Ors* (1928) 41 CLR 331; dan *Huth v Huth* [1915] 3 KB 32, CA.

[20] Berkaitan dengan isu maksud ayat yang membawa makna fitnah, peguam plaintif berhujah bahawa walaupun pihak defendan di dalam pemeriksaan balas telah mencabar maksud fitnah (*defamatory*) seperti yang diplid oleh plaintif di dalam perenggan 9 dan 33 pernyataan tuntutan, namun defendan sama sekali tidak menafikan di dalam keterangannya bahawa kedua-dua kenyataan fitnah 'libellous statements' tersebut bermaksud atau mampu membawa maksud-maksud seperti yang diplidkan di dalam perenggan-perenggan berkenaan. Tambahan pula, defendan tidak menawarkan maksud alternatif kepada kenyataan-kenyataan tersebut. Sekiranya defendan mengatakan bahawa kenyataan-kenyataan tersebut tidak membawa maksud-maksud seperti yang diplidkan di dalam perenggan 9 dan 33 pernyataan tuntutan, defendan sepatutnya menawarkan kepada mahkamah ini pengertian alternatif yang mampu diberikan kepada kenyataan-kenyataan tersebut.

[21] Namun begitu adalah jelas bahawa defendan gagal melakukannya. Peguam plaintif selanjutnya menghujahkan bahawa maksud-maksud yang diplidkan oleh plaintif terhadap kenyataan-kenyataan tersebut adalah interpretasi munasabah dan merupakan makna yang lazim dan semula jadi ('natural and ordinary meaning') bagi kenyataan-kenyataan tersebut. Dalam menghujahkan isu ini, peguam plaintif mengemukakan kes *Jeynes v News Magazines Ltd* [2008] EWCA Civ 130 (CA) dan juga kes *Lewis v Daily Telegraph Ltd* [1964] AC 234 (HL).

[22] Dalam menghujahkan isu pembelaan perlindungan mutlak (*absolute privilege*) di bawah art 72 Perlembagaan Persekutuan, peguam plaintif menyatakan bahawa defendan tidak langsung memplid perlindungan mutlak di dalam pernyataan pembelaannya. Oleh itu, mahkamah tidak seharusnya mengambil kira pembelaan perlindungan mutlak yang dikemukakan oleh defendan. Selanjutnya, peguam plaintif menyatakan jika sekalipun diandaikan bahawa defendan berhak untuk bergantung kepada pembelaan ini, adalah jelas bahawa pengulangan (*repetitions*) sebarang kenyataan yang dibuat di luar ruang (*occasion*) yang dibenarkan, tidak menarik pembelaan perlindungan mutlak. Defendan hanya berupaya bergantung kepada perlindungan bersyarat (*qualified privilege*) yang mana sekiranya dibuktikan akan memberikan perlindungan secukupnya. Peguam plaintif merujuk kepada kes-kes *Buchanan v Jennings* [2005] 1 AC 115 (PC); *Mann v O'Neill* (1997) 145 ALR 682 ; (1977) 71 ALJR 903 (HC); *Lincoln v Daniels* [1962] 1 QB 237 (CA); *S v Newham London Borough Council* [1998] IRLR 253; *Daniels v Griffith* [1998] EMLR 489; *Waple v Surrey County Council* [1998] 1 WLR 860 (CA); dan *Seaga v Harper* [2009] AC 1 (PC) yang telah memberikan penjelasan yang lengkap dan komprehensif bagi pembelaan ini iaitu pembelaan perlindungan mutlak tidak merangkumi kenyataan-kenyataan yang dibuat atau diulang oleh defendan di luar sidang DUN.

A

B

C

D

E

F

G

H

I

- A [23] Peguam plaintif seterusnya menyatakan bahawa defendan telah mengutarakan pembelaan komen berpatutan (*fair comment*) dan perlindungan bersyarat di dalam pernyataan pembelaan. Namun begitu, defendan tidak mengemukakan sebarang keterangan untuk menyokong pembelaan-pembelaan ini semasa perbicaraan. Berhubung dengan pembelaan
- B komen berpatutan adalah menjadi prinsip undang-undang bahawa defendan mesti membuktikan bahawa komen-komen yang dibuat adalah berdasarkan kepada beberapa fakta dan fakta tersebut adalah benar (*some facts and those facts must be true*). Defendan telah berkeras di dalam dakwaannya bahawa defendan telah menerima ‘maklumat lengkap’ tetapi ia tidak pernah dikemukakan.
- C ‘Maklumat lengkap’ ini tidak pernah langsung didedahkan kepada media dan tidak juga didedahkan kepada mana-mana pihak berkuasa, tidak dihidang di dalam pernyataan pembelaan dan tidak didedahkan semasa perbicaraan. Di dalam kes ini, defendan tidak mengemukakan sebarang fakta yang perlu
- D dibuktikan semasa perbicaraan di mana ‘komen’ itu berasas. Atas alasan ini semata-mata, pembelaan ini mestilah gagal.

- [24] Selanjutnya peguam plaintif menghujahkan bahawa adalah menjadi undang-undang terpakai bahawa pembelaan komen perpatutan dan perlindungan mutlak tidak akan terpakai sekiranya defendan membuat kenyataan-kenyataan tersebut dengan niat jahat (*malice*). Dalam menghujahkan isu ini, elemen niat jahat adalah jelas wujud di dalam kenyataan-kenyataan yang diberikan oleh defendan. Defendan mengatakan bahawa defendan mempunyai ‘Maklumat lengkap’ semasa
- E kenyataan-kenyataan tersebut dibuat. Walau bagaimanapun, defendan telah gagal untuk memplidkan pembelaan justifikasi (*justification*) di dalam pernyataan pembelaannya. Tambahan pula, dari permulaan perbicaraan sehinggalah ke akhir perbicaraan, defendan langsung tidak peduli dan telah gagal untuk membawa ‘Maklumat lengkap’ dan kemukakan kepada
- F mahkamah ini bagi tujuan menyokong ‘komen’ di dalam kenyataan-kenyataan yang diberikan kepada akhbar *Sinar Harian*. Justeru, kebergantungan defendan terhadap pembelaan komen berpatutan dan perlindungan mutlak haruslah gagal memandangkan tindakan defendan adalah didorong oleh niat jahat. Untuk menguatkan hujahan ini, peguam plaintif mengemukakan kes
- G *Smith v Streetfield* [1913] 3 KB 764 (KBD).
- H

#### HUJAHAN PEGUAM DEFENDAN

- I [25] Peguam yang mewakili defendan, En Anuar Ezzad Zainal, menghujahkan bahawa catatan asal atau rekod asal kepada pernyataan di atas yang dikatakan telah dirakam dan ditranskripikan oleh wartawan tersebut tidak pernah dikemukakan di mahkamah yang mulia ini. Malahan, wartawan tersebut juga tidak hadir di mahkamah untuk membuktikan bahawa pernyataan di atas telah dirakam dan ditranskripikan oleh beliau sendiri.

Adalah dihujahkan bahawa berdasarkan s 59 Akta Keterangan 1950, adalah perlu untuk plaintif-plaintif mengemukakan catatan asal kepada pernyataan di atas yang dikatakan telah dirakam dan ditranskripikan oleh wartawan tersebut. Ini kerana, defendan tidak pernah dalam apa jua keadaan sekalipun mengakui akan keseluruhan pernyataan tersebut sebagai pernyataan yang telah dibuat oleh beliau. Kegagalan plaintif-plaintif untuk memanggil wartawan tersebut bagi mengesahkan pernyataan di atas seperti yang telah diplidkan oleh plaintif-plaintif di dalam perenggan 5 pernyataan tuntutan akan mengundang kepada timbulnya isu dengar cakap (*hearsay*), memandangkan pernyataan di atas tidak diakui sepenuhnya oleh defendan dan tiada saksi yang mendengar sendiri pernyataan di atas diucapkan oleh defendan dikemukakan di mahkamah ini bagi mengesahkan bahawa pernyataan di atas telah diucapkan keseluruhannya oleh defendan.

[26] Peguam defendan seterusnya menghujahkan bahawa berdasarkan kepada s 60 Akta Keterangan 1950, adalah sewajarnya plaintif-plaintif mengemukakan wartawan tersebut untuk mengesahkan pernyataan yang telah diplidkan oleh plaintif-plaintif di dalam perenggan 5 pernyataan tuntutan mereka. Memandangkan defendan sendiri menafikan sebahagian daripada pernyataan di atas telah diucapkan oleh beliau, secara tidak langsung plaintif-plaintif telah gagal untuk mengukuhkan tuntutan kes mereka di dalam perkara ini. Defendan juga berhujah bahawa, jika wartawan tersebut dipanggil untuk memberi keterangan di mahkamah, berkemungkinan kebenaran akan terserlah bahawa pernyataan di atas adalah hasil daripada huraian wartawan tersebut dan bukanlah secara keseluruhannya daripada pihak defendan sendiri.

[27] Adalah menjadi hujahan peguam defendan bahawa plaintif-plaintif telah tersalah arah apabila menamakan diri mereka sendiri sebagai plaintif-plaintif di dalam tindakan ini. Plaintif-plaintif sewajarnya memasukkan nama Lembaga Zakat Selangor sebagai salah seorang plaintif bagi mewajarkan kausa tindakan diteruskan oleh plaintif-plaintif, memandangkan nama Lembaga Zakat Selangor adalah satu-satunya nama khusus yang telah dirujuk di dalam artikel tersebut. Kegagalan untuk memasukkan pihak yang sebenar di dalam tindakan ini boleh menyebabkan kausa tindakan plaintif-plaintif terbatal sejak dari mula lagi (*void ab initio*). Dalam isu ini, peguam defendan mengemukakan kes *Institute of Commercial Management United Kingdom v New Straits Times Press (Malaysia) Bhd* [1993] 1 MLJ 408; [1993] 2 CLJ 365 (HC).

[28] Peguam defendan juga menghujahkan bahawa plaintif-plaintif hanya membuat tafsiran sendiri berdasarkan kepada kenyataan yang telah dicetakkan di dalam artikel-artikel tersebut yang dikeluarkan oleh akhbar *Sinar Harian* (pihak ketiga). Plaintif-plaintif juga pada setiap masa hanya menjawab kepada kenyataan yang telah dicetakkan di dalam artikel tersebut serta hanya



- A bergantung kepada penerbitan pihak ketiga sahaja sebelum memfailkan writ saman terhadap defendan tanpa memasukkan pihak ketiga tersebut di dalam tindakan ini. Oleh yang demikian, defendan berhujah bahawa plaintif-plaintif hanya mengambil kesempatan terhadap penerbitan dan pengedaran kenyataan yang telah dibuat oleh pihak ketiga untuk mengaut keuntungan atas alasan imej plaintif-plaintif telah dirosakkan melalui penerbitan artikel-artikel tersebut.

- [29] Mengenai isu sama ada plaintif-plaintif mengalami kerugian akibat dari penerbitan artikel-artikel tersebut, peguam defendan menghujahkan bahawa tiada sebarang perubahan drastik berlaku kepada plaintif-plaintif dan masyarakat juga tidak membuat apa-apa respons atau bertindak balas terhadap kenyataan defendan tersebut. Oleh yang demikian, defendan berhujah bahawa plaintif-plaintif telah gagal untuk membuktikan bahawa imej plaintif-plaintif telah tercemar atau dirosakkan (*damage done*) apabila artikel-artikel tersebut diterbitkan.

#### KEPUTUSAN KES

- E *Prinsip undang-undang fitnah*

- [30] Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa semua warganegara Malaysia adalah berhak untuk bebas bercakap dan mengeluarkan fikiran. Walau bagaimanapun kebebasan tersebut bukanlah suatu kebebasan yang mutlak tetapi suatu kebebasan yang tertakluk kepada had atau sekatan undang-undang. Di dalam kes *Ling Wah Press (M) Sdn Bhd & Ors v Tan Sri Dato Vincent Tan Chee Yioun* [2000] 4 MLJ 77 (FC) pada ms 85, Mahkamah Persekutuan memutuskan dengan merujuk kepada kes *Jeyaretnam Joshua Benjamin v Lee Kuan Yew & Anor* [1992] 2 SLR pada ms 310 (CA) bahawa kebebasan bersuara bukanlah suatu hak mutlak dan ia bukanlah hak untuk memfitnah orang. Ia tertakluk kepada sekatan-sekatan undang-undang dan semua orang mempunyai hak reputasi dan hak tersebut haruslah dilindungi undang-undang.

- H We are of the view that freedom of speech is not an absolute right. Freedom of speech is not a licence to defame people. It is subject to legal restrictions. An absolute or unrestricted right to free speech would result in persons recklessly maligning others with impunity, and the exercise of such right would do the public more harm than good. Every person has a right to reputation and that right ought to be protected by law.

- I [31] Bagi membincangkan kedudukan undang-undang fitnah di Malaysia, saya merujuk kepada kes *Ayob bin Saud v TS Sambanthamurthi* [1989] 1 MLJ 315; [1989] 1 CLJ (Rep) 321 (HC), di mana Hakim Mohamed Dzaiddin (beliau ketika itu) telah menjelaskan:

In our law on libel, which is governed by the Defamation Act 1957, the burden of proof lies on the plaintiff to show (1) the words are defamatory; (2) the words refer to the plaintiff; and (3) the words were published. Where a defence of qualified privilege is set up, as in the present case, the burden lies on the defendant to prove that he made the statement honestly, and without any indirect or improper motive. Then, if he succeeds in establishing qualified privilege, the burden is shifted to the plaintiff in this case to show actual or express malice which upon proof thereof, communication made under qualified privilege could no longer be regarded as privileged (*Rajagopal v Rajam* [1972] 1 MLJ 45).

A

B

[32] Prinsip undang-undang fitnah yang digariskan di dalam kes di atas kemudiannya telah diikuti oleh Hakim Ramly Ali (beliau ketika itu) dalam kes *Kian Lup Construction v Hongkong Bank Malaysia Bhd* [2002] 7 MLJ 283; [2002] 7 CLJ 32 dan oleh Hakim Low Hop Bing (beliau ketika itu) dalam kes *Ismail bin Shamsudin v Abdul Aziz bin Abdan and other suits* [2007] 3 MLJ 512; [2007] 8 CLJ 65.

C

D

[33] Berdasarkan kes-kes yang tersohor di atas, dengan mengguna pakai prinsip-prinsip yang digariskan dengan kes di hadapan saya ini, di sini saya menyatakan bahawa untuk berjaya di dalam tuntutan pampasan bagi kes fitnah ini, beban pembuktian adalah terletak pada plaintiff-plaintif untuk membuktikan elemen-elemen berikut:

E

- (a) perkataan-perkataan yang dituturkan oleh defendan dan dicetak di dalam artikel-artikel berkaitan adalah berbentuk fitnah;
- (b) perkataan-perkataan dan artikel-artikel tersebut merujuk kepada plaintiff-plaintif; dan
- (c) perkataan-perkataan dan artikel-artikel tersebut telah disampaikan kepada pihak ketiga, dalam perkataan lain, telah disiarkan atau diterbitkan.

F

G

[34] Perlu untuk saya nyatakan di sini bahawa adalah menjadi tanggungjawab pihak plaintiff di sisi undang-undang untuk terlebih dahulu membuktikan tiga perkara di atas sebelum beban pembuktian berpindah kepada defendan-defendan untuk membuktikan pembelaan mereka. Sekiranya jawapan kepada ketiga-tiga perkara tersebut adalah negatif, maka tindakan ini akan berakhir, dan kes ini akan ditolak tanpa mahkamah menimbang lagi apa-apa pembelaan defendan. Prinsip ini adalah selaras dengan kes *Tun Datuk Patinggi Haji Abdul-Rahman Ya'Kub v Bre Sdn Bhd & Ors* [1996] 1 MLJ 393.

H

I

(a) Sama ada artikel pertama dan artikel kedua tersebut bersifat fitnah

[35] Seperti yang telah diterangkan di atas, adalah jelas bahawa

- A plaintiff-plaintiff mendakwa bahawa artikel-artikel tersebut mengandungi kenyataan-kenyataan negatif yang tidak benar dan bersifat fitnah serta bertujuan untuk menjatuhkan imej dan reputasi plaintiff-plaintiff. Maksud bersifat fitnah yang terkandung di dalam artikel pertama dan artikel kedua tersebut dihidkan dan diterangkan oleh plaintiff-plaintiff melalui perenggan 9 dan perenggan 33 pernyataan tuntutan.

- [36] Adalah menjadi prinsip undang-undang bahawa perkataan-perkataan yang diadukan harus dibaca dan dipertimbangkan secara menyeluruh dan bukan secara berasingan dalam konteks yang betul dalam mana ia dibentangkan. Prinsip ini telah digariskan di dalam kes *Institute of Commercial Management United Kingdom v New Straits Times Press (Malaysia) Bhd* [1993] 1 MLJ 408) dan juga kes *Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub*.

- D [37] Selanjutnya, berdasarkan kes *Astaire v Campling* [1965] 3 All ER 666, adalah jelas bahawa tidak semua pernyataan itu fitnah hanyalah kerana ia boleh menyebabkan kerosakan pada plaintiff. Tapi sebaliknya pernyataan berkenaan itu sendiri mesti mempunyai alegasi fitnah atau pernyataan itu sendiri adalah palsu atau tidak benar.

- E [38] Perlu juga saya tegaskan di sini bahawa ujian sama ada sesuatu perkataan berunsur fitnah atau tidak dalam maksud yang lazim dan semula jadi ('in their natural and ordinary meaning') adalah merupakan satu ujian objektif. Ianya berdasarkan apa yang difahami oleh seseorang yang berfikiran wajar (*reasonable man*), dan bukan apa yang difahami oleh defendan semasa kenyataan berkenaan ditulis, dicetak dan diterbitkan. Prinsip ini telah digariskan di dalam kes *Dato' Musa Hitam v SH Alattas & Ors* [1991] 2 CLJ 487, di mana mahkamah memutuskan seperti berikut:

- G The test as to whether the words complained of were defamatory or not is whether, under the circumstances in which the writing was published, reasonable men to whom the publication was made would be likely to understand it in a libellous sense. The test is objective and the question is what do the words mean as words and not what the defendant in his own mind meant by them or intended to mean.

- H [39] Selain itu, mengenai apa yang membawa maksud fitnah, saya juga merujuk kepada beberapa keputusan yang relevan seperti yang diterangkan di dalam kes *Abu Samah bin Omar v Zainal bin Montel* [2004] 5 MLJ 377, seperti berikut:

- I In respect of this issue, it has been said that there is no precise test applied to determine whether or not any given words are defamatory or are capable of a defamatory imputation. Several general formulations have been accepted and may be stated as follows:

- (a) Any imputation which may tend 'to lower the plaintiff in the estimation of

right thinking members of society generally' (see *SB Palmer v AS & Ors* [1949] 1 MLJ 6); 'to cut him off from society' or 'to expose him to hatred, contempt or ridicule' (see *Abdul Rahman Talib v Seenlwasagam & Anor* [1965] 1 MLJ 142);

A

- (b) A defamatory statement is one to a man's discredit, or which tends to lower him in the estimation of others, or to injure his reputation in his office, trade or profession, or to injure his financial credit or if the words cause him to be shunned or avoided: *Yussouppoff v Metro-Goldwyn-Mayer Pictures Ltd* (1934) 50 TLR 58 (CA); per Mohamed Azmi J (later FCJ) in *Syed Husin Ali v Syarikat Percetakan Utusan Melayu Bhd & Anor* [1973] 2 MLJ 56 at p 58, *Gatley on Libel and Slander*, (6th Ed), p 4, as followed by Ramly Ali J in *Kian Lup Construction*, pp 41–42.

B

C

[40] Seterusnya, di dalam kes Mahkamah Rayuan, *Chok Foo Choo @ Chok Kee Lian v The China Press Bhd* [1999] 1 MLJ 371; [1997] 1 CLJ 461, telah menyatakan seperti berikut:

D

... the test which is to be applied lies in the question: do the words published in their natural and ordinary meaning impute to the plaintiff any dishonourable or discreditable conduct or motives or a lack of integrity on his part? If the question invites an affirmative response, then the words complained of are defamatory.

E

[41] Merujuk kepada artikel pertama tersebut, di sini saya turunkan ayat yang relevan dengan isu fitnah di dalam kes ini, iaitu seperti berikut.

Saari Sungib mendesak Lembaga Zakat Selangor (LZS) disiasat berikutan pemindahan wang berjuta-juta ringgit yang tidak diagihkan pada 11 Disember 2008 ke MAA Takaful. Menurut beliau, sejumlah kutipan LZS yang sebelum ini disimpan dalam deposit tetap, dipindahkan kepada akaun Takaful Structured Invest.

F

G

[42] Saya berpendapat bahawa berdasarkan ayat tersebut, adalah jelas bahawa defendan telah membuat tuduhan yang boleh difahami dengan mudah oleh orang yang berfikiran wajar (*reasonable man*) bahawa plaintif-plaintif membuat satu tindakan yang salah apabila tidak mengagihkan wang berjumlah jutaan ringgit kepada golongan-golongan (*asnaf*) umat Islam di Selangor yang layak menerima wang zakat, malahan wang-wang bernilai jutaan ringgit tersebut telah dipindahkan kepada akaun Takaful Structured Invest secara salah.

H

[43] Dakwaan serius tersebut kemudian dikuatkan lagi oleh defendan di mana artikel kedua menyatakan sedemikian.

I

Saari berkata, tidak timbul isu fitnah atau ingin menjatuhkan imej serta integriti pihak berkenaan sebaliknya *beliau mempunyai maklumat lengkap berhubung isu tersebut*. (Penekanan ditambah.)

A [44] Perkataan di dalam artikel kedua ini jelas membawa maksud bahawa defendan mempunyai maklumat lengkap atau bukti mengenai tindakan plaintif-plaintif yang secara salah tidak mengagihkan wang bernilai jutaan ringgit kepada umat Islam yang berhak menerimanya kerana wang tersebut telah dipindahkan kepada akaun Takaful Structured Invest. Oleh itu, adalah  
B jelas bahawa jika artikel pertama dan artikel kedua dibaca secara menyeluruh dan tidak secara berasingan dalam konteks yang betul dalam mana ia dibentangkan, maka kedua-dua artikel jelas membawa maksud yang negatif dan boleh menyebabkan keaiban dan telah merendahkan plaintif-plaintif dalam pertimbangan masyarakat yang berfikiran wajar secara amnya.  
C

[45] Selanjutnya, saya juga berpendirian bahawa defendan tidak dapat membuktikan bahawa plaintif-plaintif tidak mengagihkan wang zakat bernilai jutaan ringgit kepada golongan yang sepatutnya kerana wang tersebut telah  
D dipindahkan kepada akaun Takaful Structured Invest. Ini adalah kerana di dalam artikel kedua, defendan menyatakan bahawa beliau mempunyai bukti (maklumat lengkap) mengenai dakwaan tersebut. Namun ketika perbicaraan dijalankan beliau tidak dapat mengemukakan sebarang bukti yang jelas untuk menyokong dakwaan tersebut. Malahan plaintif-plaintif yang memberikan  
E keterangan dan menjelaskan bahawa setelah audit dilakukan, tiada sebarang bukti yang menyokong tuduhan defendan tersebut. Oleh itu, saya menyimpulkan bahawa dakwaan defendan di dalam artikel pertama dan artikel kedua adalah palsu dan tidak benar. Maka, saya berpendapat bahawa  
F artikel pertama dan artikel kedua tersebut mengandungi unsur-unsur fitnah selaras dengan prinsip-prinsip yang digariskan oleh kes-kes yang saya bincangkan di atas.

(b) Sama ada artikel pertama dan artikel kedua tersebut merujuk kepada  
G *plaintif-plaintif*

[46] Sebagaimana yang telah saya nyatakan di atas, untuk plaintif-plaintif berjaya di dalam tindakan fitnah, plaintif-plaintif tidak hanya perlu membuktikan bahawa defendan telah menyiarkan pernyataan demikian dan  
H pernyataan tersebut mempunyai unsur fitnah, tetapi plaintif-plaintif mesti juga membuktikan bahawa orang yang difitnahkan itu adalah plaintif-plaintif sendiri. Prinsip ini selaras dengan keputusan di dalam kes Lord Donovan dalam *Morgan v Odhams Press Ltd* [1971] 1 WLR 1239 di mana mahkamah menyatakan:  
I

It is always for the plaintiff to prove that the defamatory words were published of and concerning him. The onus is firmly upon him, and if he does not discharge it, he has no cause of action.

[47] Di dalam kes *Tjanting Handicraft Sdn Bhd & Anor v Utusan Melayu (Malaysia) Sdn Bhd & Ors* [2001] 2 MLJ 574 mahkamah telah menyatakan di ms 586 seperti berikut:

Identity of Party

In an action for slander of goods for libel *it is not necessary that the words should refer to the plaintiff by name, so long as the words would be understood by reasonable people to refer to the plaintiff.* The court must be satisfied as to whether the libel designated the plaintiff in such a way as to let those who know him understand that he was the person referred to. *It is not necessary that all the world should understand the libel; it is sufficient if those who know the plaintiff can make out that he is the person being referred to.* This is what the Australian High Court meant when it said in *David Syme & Co & Anor v Canavan* (1918) 25 CLR 234 at 238:

*The test of whether words that do not specifically name the plaintiff refer to him or not is this: Are they such as reasonably in the circumstances would lead persons acquainted with the plaintiff to believe that he was the person referred to?* That does not mean that those persons who read the words know all the circumstances or all the relevant facts. But although the plaintiff is not named in words, he may, nevertheless, be described so as to be recognized; and whether that description takes the form of a word picture ..., if in the circumstances the description is such that a person hearing or reading the alleged libel would reasonably believe that the plaintiff was referred to, that is a sufficient. (Penekanan ditambah.)

[48] Adalah penting untuk saya tegaskan di sini bahawa dari segi undang-undang, sesuatu penyataan masih boleh dianggap merujuk kepada plaintiff, walaupun tanpa menyebut namanya, asalkan keadaan boleh membuat orang yang mengenali plaintiff secara munasabah mempercayai bahawa kenyataan tersebut merujuk kepada beliau. Lihat kes *Kian Lup Construction v Hong Kong Bank Malaysia Bhd* [2002] 7 MLJ 283; [2002] 7 CLJ 32.

[49] Merujuk kepada artikel pertama dan artikel kedua, tidak dinafikan bahawa artikel-artikel tersebut hanya merujuk kepada Lembaga Zakat Selangor dan tidak merujuk kepada Pemegang Amanah Lembaga Zakat Selangor (plaintif pertama) dan Majlis Agama Islam Selangor (plaintif kedua). Mengenai isu ini, peguam defendan berhujah bahawa plaintiff-plaintif telah tersalah arah apabila menamakan diri mereka sendiri sebagai plaintiff-plaintif di dalam tindakan ini. Beliau selanjutnya menegaskan bahawa plaintiff-plaintif sewajarnya memasukkan nama Lembaga Zakat Selangor sebagai salah seorang plaintiff bagi mewajarkan kausa tindakan diteruskan oleh plaintiff-plaintif, memandangkan nama Lembaga Zakat Selangor adalah satu-satunya nama khusus yang telah dirujuk di dalam artikel-artikel tersebut. Kegagalan untuk memasukkan pihak yang sebenar di dalam tindakan ini boleh menyebabkan kausa tindakan plaintiff-plaintif terbatal sejak dari mula lagi (void ab initio).

[50] Saya memutuskan untuk tidak bersetuju dengan hujahan peguam

- A defendan di dalam isu ini. Ini adalah kerana Pemegang Amanah Lembaga Zakat Selangor dan juga Majlis Agama Islam Selangor merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam pengurusan wang zakat di negeri Selangor termasuk Lembaga Zakat Selangor. Adalah mencukupi untuk saya berpuas hati bahawa artikel pertama dan artikel kedua tersebut merujuk kepada plaintif-plaintif
- B walaupun hanya nama Lembaga Zakat Selangor yang dinyatakan di dalam kedua-dua artikel tersebut. Keputusan saya ini adalah berasaskan kepada prinsip undang-undang yang menggariskan bahawa sesuatu pernyataan masih boleh dianggap merujuk kepada plaintif, walaupun tanpa menyebut namanya, asalkan keadaan boleh membuat orang yang mengenali plaintif secara
- C munasabah mempercayai bahawa kenyataan tersebut merujuk kepada beliau, sebagaimana yang diputuskan di dalam kes *Kian Lup Construction v Hong Kong Bank Malaysia Bhd* dan juga kes *Tjanting Handicraft Sdn Bhd & Anor v Utusan Melayu (Malaysia) Sdn Bhd & Ors*.
- D (c) Sama ada perkataan-perkataan yang memfitnah terhadap plaintif-plaintif telah disiarkan atau diterbitkan (*published*)

- [51] Perkara ketiga dan terakhir yang perlu dibuktikan oleh plaintif-plaintif di dalam usahanya untuk membuktikan tindakan fitnah terhadap defendan ialah sama ada perkataan-perkataan yang memfitnah plaintif-plaintif telah disiarkan atau diterbitkan (*published*). Mengenai isu ini, defendan tidak menafikan bahawa beliau telah menyebabkan atau mengakibatkan penerbitan kedua-dua kenyataan tersebut, dan tidak juga mempertikaikan kesahihan kenyataan-kenyataan tersebut.
- E
- F

- [52] Walau bagaimanapun, defendan di dalam pernyataan pembelaan memplidkan bahawa memandangkan akhbar *Sinar Harian* tidak memperoleh kebenaran beliau untuk menerbitkan kenyataan-kenyataan berkenaan, maka defendan tidak boleh dipertanggungjawabkan. Namun begitu, saya menolak hujahan peguam defendan ini. Sebaliknya saya bersetuju dengan hujahan peguam plaintif-plaintif bahawa sesiapa yang mengambil bahagian di dalam penerbitan pernyataan-pernyataan libel dalam apa cara sekalipun, dengan syarat 'he intended the natural consequences of his act', iaitu beliau dapat menjangkakan, pada masa beliau membuat kenyataan-kenyataan tersebut bahawa akibat lazim daripada perbuatannya itu ialah penerbitan pernyataan fitnah akan diterbitkan, maka beliau adalah turut sama bertanggungjawab ke atas penerbitannya. Prinsip undang-undang ini adalah selaras dengan keputusan di dalam kes-kes berikut; *Bataille v Newland* [2002] EWHC 1692 (QB); *Purcell & Anor v Crusising Yacht Club of Australia* [2001] NSWSC 927; *Woodling v Knickerbocker* (1883) 31 Minn 268; *Webb v Bloch & Ors* (1928) 41 CLR 331; dan *Huth v Huth* [1915] 3 KB 32. Berdasarkan alasan-alasan di atas, saya memutuskan bahawa artikel pertama dan artikel kedua tersebut telah disampaikan kepada pihak ketiga; dalam perkataan lain, telah disiarkan atau
- G
- H
- I

diterbitkan kepada pihak ketiga.

A

*Sama ada plaintif telah membuktikan tuntutananya*

[53] Berdasarkan alasan-alasan dan pertimbangan-pertimbangan di atas, saya berpuas hati dan selanjutnya memutuskan bahawa plaintif-plaintif telah berjaya membuktikan tuntutananya terhadap defendan. Oleh itu berdasarkan keputusan *S Pakianathan v Jenni Ibrahim* [1988] 2 MLJ 173 (MA) dan *Abdul Rahman Talib v Seenivasagam & Anor* [1966] 2 MLJ 66 (MP), beban sekarang adalah berpindah kepada defendan untuk mengemukakan pembelaan-pembelaan mereka.

B

C

*Pembelaan defendan*

[54] Berdasarkan perenggan 4 pernyataan pembelaan, defendan tidak menafikan ada membuat kenyataan (yang diterbitkan di dalam artikel pertama) di luar Dewan Undangan Negeri Selangor kepada wartawan akhbar *Sinar Harian* pada 16 Mac 2009. Malahan defendan menegaskan bahawa defendan hanya membuat kenyataan yang bersifat akademik sahaja, tanpa ada niat serong. Perenggan 4 pernyataan pembelaan diturunkan di sini dan berbunyi sedemikian.

D

E

Adalah ditegaskan bahawa defendan hanya membuat kenyataan yang bersifat akademik sahaja, tanpa ada sebarang niat serong. Namun kenyataan defendan telah diterbitkan dan diedarkan oleh pihak ketiga tanpa kebenaran defendan, yang mana kemudiannya disalahtafsirkan oleh plaintif-plaintif.

F

[55] Seterusnya, berdasarkan perenggan 16 pernyataan pembelaan, defendan juga tidak menafikan telah menyebabkan atau mengakibatkan penerbitan artikel kedua pada 19 Mac 2009. Sebaliknya defendan menegaskan bahawa sebagai ADUN, defendan boleh membahaskan isu awam dan dilindungi oleh imuniti. Perenggan 16 pernyataan pembelaan diturunkan di sini dan berbunyi sedemikian:

G

Defendan dengan merujuk kepada kenyataan pihak ketiga tersebut, jelas menyebut bahawa defendan sebagai ADUN boleh membahaskan isu awam dan dilindungi oleh imuniti. Jika perkara ini diambilkira secara jujur oleh plaintif-plaintif sendiri, maka tidak timbul isu niat jahat, fitnah dan sebagainya.

H

[56] Saya mendapati bahawa pembelaan-pembelaan yang dibangkitkan oleh defendan di dalam pernyataan pembelaan adalah merupakan pembelaan komen berpatutan (*fair comment*) dan perlindungan bersyarat (*qualified privilege*). Defendan tidak mengemukakan pembelaan justifikasi (*justification*). Namun begitu, semasa perbincangan kes ini, defendan telah mengemukakan

I



A pembelaan perlindungan mutlak (*absolute privilege*), di mana defendan menyatakan bahawa defendan adalah dilindungi di bawah art 72(2) Perlembagaan Persekutuan. Dengan merujuk kepada pembelaan-pembelaan tersebut, berikut saya akan huraikan pembelaan-pembelaan tersebut mengikut turutannya.

B *Pembelaan komen berpatutan (fair comment)*

C [57] Untuk pembelaan komen berpatutan berjaya, unsur-unsur berikut perlu dibuktikan seperti yang dinyatakan dalam kes *Tun Datuk Patinggi Haji Abdul-Rahman Ya'kub v Bre Sdn Bhd & Ors* [1996] 1 MLJ 393, di ms 408 yang menyatakan:

For the defence of fair comment, in order to succeed the following basic elements must be established by the defendants, namely:

- D (i) that the words complained of are comments, though they may consist of or include inference of facts;
- (ii) that the comments are on a matter of public interest; and
- E (iii) that the comments are based on facts, truly stated. They must also be fair and which a fair-minded person can honestly make on the facts proved (see *JB Jeyaretnam*).

[58] Di dalam kes yang sama, di muka surat yang sama, mahkamah telah menyatakan dengan jelas bahawa:

F It is settled law that a comment is a statement of opinion on facts truly stated ... In order to decide whether a statement is capable of being a comment or a statement of fact, should be gathered from the document wherein the words complained of are found. There is no necessity to look at other documents, though relevant, to come to such determination. See: *Telnikoff v Matusevitch* [1991] 4 All ER 817).

G [59] Kembali kepada kes di hadapan saya ini, adalah jelas bahawa defendan ada menyatakan di dalam artikel kedua bahawa beliau mempunyai maklumat lengkap mengenai dakwaan tersebut. Namun setelah perbicaraan selesai dijalankan, beliau gagal mengemukakan sebarang bukti mengenai tuduhan beliau tersebut atau mengemukakan sebarang maklumat untuk membuktikan bahawa dakwaan beliau adalah benar. Oleh yang demikian, pembelaan komen berpatutan tidak terpakai ke atas dakwaan berunsur fitnah yang dibuat oleh defendan selaras dengan keputusan kes-kes yang tersebut di atas.

I *Pembelaan perlindungan bersyarat (qualified privilege)*

[60] Di dalam kes *Adam v Ward* [1917] AC 309 (HL), Lord Atkinson memutuskan:

A privilege occasion is an occasion ... where the person who makes a communication has an interest or duty, legal, social or normal to make it to the person to whom it is made, and the person to whom it is so made has a corresponding interest or duty to receive it; the reciprocity is essential.

A

[61] Pembelaan perlindungan bersyarat juga telah diperuntukkan dalam s 12 Akta Fitnah 1957 (Akta 286).

B

[62] Dapat diperhatikan bahawa defendan telah mengguna pakai perlindungan bersyarat di dalam pernyataan pembelaan. Namun begitu, defendan tidak mengemukakan sebarang keterangan untuk menyokong pembelaan ini semasa perbicaraan. Adalah perlu untuk saya tegaskan di sini bahawa pembelaan perlindungan bersyarat hanya terpakai di dalam keadaan di mana wujudnya ruang atau suasana yang dilindungi atau upacara terlindung ('privileged occasion'). Dalam menentukan sama ada sesuatu ruang atau suasana dilindungi 'privileged occasion' itu wujud di dalam sesuatu kes, ia merupakan isu undang-undang yang perlu diputuskan oleh mahkamah dan adalah menjadi beban defendan untuk membuktikan fakta dan keadaan yang boleh menimbulkan 'privileged occasion' tersebut. Prinsip undang-undang ini telah diputuskan oleh Richard Malanjum J (sekarang CJSS) di dalam kes *Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub* di mana beliau memutuskan:

C

D

E

It is a settled law that it is for the defendants to prove the facts and circumstances which established the occasion as qualified privilege when the words complained of were published.

F

[63] Setelah meneliti keseluruhan keterangan di dalam kes ini, saya berpendapat dan memutuskan bahawa defendan telah gagal membuktikan wujudnya satu 'privileged occasion' di dalam artikel pertama dan artikel kedua tersebut. Saya berpendapat sedemikian kerana kenyataan-kenyataan yang dibuat atau diulangi oleh defendan di luar persidangan DUN pada 16 Mac 2009 kepada wartawan akhbar *Sinar Harian* yang terkandung dalam perenggan 5 pernyataan tuntutan dan pernyataan-pernyataan di dalam kedua-dua artikel yang disiarkan pada 17 dan 19 Mac 2009 tersebut adalah merupakan kenyataan fakta-fakta (statement of facts) yang tidak berasas dan kebenaran atau kesahihannya tidak dibuktikan. Sebahagian besar kenyataan-kenyataan tersebut adalah tidak benar belaka. Saya berpendirian bahawa komunikasi yang dilindungi atau komunikasi terlindung ('privileged communication') sepatutnya merujuk kepada suatu komunikasi 'communication' berdasarkan fakta-fakta yang benar dan bukan dakwaan kosong semata-mata.

G

H

I

**A** *Pembelaan perlindungan mutlak (absolute privilege)*

[64] Pembelaan perlindungan mutlak bagi ADUN diperuntukkan di bawah art 72(2) Perlembagaan Persekutuan. Artikel 72 berbunyi sedemikian.

**B** 72 Keistimewaan Dewan Negeri (Privileges of Legislative Assembly)

(1) Sahnya apa-apa perjalanan dalam mana-mana Dewan Negeri tidak boleh dipersoal dalam mana-mana mahkamah.

**C** (2) *Tiada seseorang pun boleh dikedua dalam apa-apa jua pembicaraan dalam mana-mana mahkamah mengenai apa-apa jua yang dikatakan atau apa-apa undi yang diberi olehnya apabila mengambil bahagian dalam perjalanan mana-mana Dewan Negeri atau mana-mana jawatankuasanya.* (No person shall be liable to any proceedings in any court in respect of anything said or any vote given by him when taking part in proceedings of the Legislative Assembly of any State or of any committee thereof).

**D** (3) Tiada seseorang pun boleh dikenakan dakwa dalam apa-apa jua pembicaraan dalam mana-mana mahkamah mengenai apa-apa jua yang disiarkan dengan atau di bawah kuasa mana-mana Dewan Negeri.

**E** (4) Fasal (2) tidak boleh dipakai bagi seseorang yang dipertuduh atas sesuatu kesalahan di bawah undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen di bawah Perkara 10(4) atau atas suatu kesalahan di bawah Akta Asutan, 1948 mengikut sebagaimana yang dipinda oleh Ordinan No. 45 (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat, 1970.

**F** (5) Walau apa pun Fasal (4), tiada seorang pun boleh dikenakan apa-apa prosiding dalam mana-mana mahkamah berkenaan dengan apa-apa jua yang dikatakan olehnya tentang Raja mana-mana Negeri semasa mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding Dewan Undangan mana-mana Negeri atau mana-mana jawatankuasanya kecuali jika dia menganjurkan penghapusan kedudukan Raja itu sebagai Raja berpelembagaan Negeri itu. (Penekanan ditambah.)

**G**

[65] Merujuk kepada pembelaan ini, defendan menyatakan bahawa beliau hanya menjawab kepada pertanyaan yang diajukan oleh seseorang yang memperkenalkan dirinya sebagai wartawan akhbar *Sinar Harian* selepas selesai persidangan Dewan Undangan Negeri pada hari tersebut, iaitu pada 16 Mac 2009. Defendan juga menyatakan bahawa beliau hanya mengulangi usul tersebut yang meminta untuk satu siasatan dibuat, seperti mana yang telah dikemukakan beliau ketika di dalam persidangan Dewan Undangan Negeri. Hasil daripada jawapan beliau kepada wartawan tersebut maka artikel pertama dan artikel kedua telah diterbitkan.

**I**

[66] Mengikut keterangan defendan, beliau selanjutnya telah merujuk kepada Speaker Dewan Undangan Negeri dan menurut defendan, Speaker berpendapat bahawa tiada unsur fitnah memandangkan kenyataan tersebut

diusul dan dibahaskan di dalam Dewan Undangan Negeri. Ini kerana menurut art 72(2) Perlembagaan Persekutuan, sebagai seorang ADUN, defendan tidak boleh didakwa di mana-mana mahkamah mengenai apa-apa jua yang dikatakan ketika di dalam Dewan Undangan Negeri (*no person shall be liable to any proceedings in any court in respect of anything said by him when taking part in proceedings of the Legislative Assembly of any state*). Malah ketika di luar Dewan Undangan Negeri, defendan hanya menjawab pertanyaan yang diajukan oleh wartawan tersebut dan mengulangi usul yang telah dikemukakan oleh beliau ketika di dalam Dewan Undangan Negeri.

A

B

[67] Di sini saya ingin menekankan bahawa secara umumnya, sumber bagi imuniti atau perlindungan mutlak adalah berasaskan kepada undang-undang statut dan 'common law'. Di Malaysia, s 11 Akta Fitnah 1957 (Akta 286) memberikan perlindungan kepada laporan yang adil, tepat dan semasa berkaitan dengan prosiding yang didengar secara terbuka di hadapan mana-mana mahkamah yang menjalankan kuasa kehakiman secara sah didalam Malaysia ('fair, accurate and contemporaneous report of proceedings publicly heard before any court lawfully exercising judicial authority within Malaysia').

C

D

[68] Berdasarkan *common law*, di dalam kes *Buchanan v Jennings* [2005] 1 AC 115, House of Lords telah memutuskan bahawa pengulangan pernyataan yang dibuat di dalam persidangan Parlimen di luar persidangan tersebut oleh seorang ahli Parlimen (MP) tidak dilindungi oleh perlindungan mutlak ('repetition of statements made in the House of Parliament by an MP outside the House is not protected by absolute privilege').

E

F

[69] Di sini saya bersetuju dengan hujahan peguam plaintif-plaintif bahawa dari aspek fakta, kes yang di hadapan saya ini paling mirip dengan kes *Seaga v Harper* [2009] AC 1. Di dalam kes tersebut, seorang pemimpin parti pembangkang dalam ucapannya kepada pihak media telah membuat tuduhan bahawa seorang Timbalan Pesuruhjaya Polis yang bakal plaintif yang berpotensi untuk dipilih oleh kerajaan sebagai pesuruhjaya polis adalah seorang yang tidak layak untuk dilantik. Di dalam pembelaannya, defendan telah bergantung kepada perlindungan bersyarat dan bukannya perlindungan mutlak. Di hadapan Privy Council dan Mahkamah Rayuan Jamaica, serta pada peringkat perbicaraan, mahkamah tersebut telah memutuskan bahawa pembelaan perlindungan mutlak adalah tidak terpakai. 'Head notes' kepada laporan kes tersebut merangkumi prinsip-prinsip di bawah:

G

H

There is no special category of protection for statements made to the public at large by politicians, whether members of the government or of the opposition, save for one exceptional category: absolute privilege which protects statements made in Parliament but publication of the same material outside Parliament is not so protected and the common law rules of defamation applies. Since the defendant

I

A chose not to make his statements in Parliament, the court is entitled to examine whether or not he fulfilled the duties and responsibilities incumbent on those who publish defamatory statements to the public at large. (Penekanan ditambah.)

B [70] Prinsip kes di atas memutuskan bahawa tiada kategori yang khas bagi melindungi kenyataan yang dibuat kepada orang awam atau umum oleh ahli-ahli politik sama ada dari kalangan kerajaan ataupun pembangkang, melainkan satu kategori yang luar biasa: iaitu kategori perlindungan mutlak yang melindungi kenyataan yang dibuat di dalam Parlimen; akan tetapi, penyiaran atau penerbitan kenyataan yang sama yang dibuat di dalam Parlimen dan kemudian dibuat atau diulangi di luar Parlimen tidak dilindungi dan kaedah 'common law' berkaitan undang-undang fitnah terpakai kepada kenyataan-kenyataan tersebut. Oleh kerana defendan memilih tidak membuat kenyataan di dalam Parlimen, maka mahkamah berhak untuk memeriksa sama ada atau tidak defendan memenuhi kewajipan dan tanggungjawab yang wajib ditanggung oleh sesiapa yang menyiar atau menerbitkan kenyataan yang berunsur fitnah kepada orang awam atau umum.

E [71] Setelah meneliti pembelaan dan keterangan defendan, dan setelah mempertimbangkan hujahan peguam plaintif dan defendan, saya berpendapat bahawa defendan gagal membuktikan bahawa beliau wajar dilindungi oleh pembelaan perlindungan mutlak. Ini kerana defendan sendiri telah mengakui bahawa beliau telah mengulangi usul yang beliau telah buat di dalam DUN kepada seorang wartawan akhbar *Sinar Harian* selepas selesai persidangan DUN dan di luar persidangan tersebut pada 16 Mac 2009. Menurut undang-undang (art 72(2) Perlembagaan Persekutuan dan Akta Fitnah 1957) dan kes-kes yang diputuskan sebelum ini, seseorang ahli politik sama ada dari kalangan kerajaan atau pembangkang tidak diberi perlindungan mutlak atas apa-apa kenyataan yang dibuat atau diulangi di luar persidangan Parlimen atau DUN. Oleh itu, pembelaan ini tidak terpakai kepada defendan.

G *Kuantum ganti rugi*

H [72] Adalah merupakan prinsip undang-undang bahawa di dalam tuntutan yang berasaskan fitnah bertulis (libel), ganti rugi secara amnya ditaksirkan berdasarkan pampasan (*compensatory basis*). Namun begitu, dalam sesetengah keadaan tertentu, mahkamah boleh mengawardkan ganti rugi teruk/terlampau (*aggravated damages*) dan ganti rugi teladan (*exemplary damages*).

I *Ganti rugi am*

[73] Sebagai panduan mengenai ganti rugi am, saya merujuk kepada kenyataan oleh Richard Malanjum J, (sekarang CJSS), di dalam kes *Tun Datuk Patinggi Haji Abdul-Rahman Ya'kub* di ms 416 di mana beliau menyatakan:

Compensatory damages may include not only actual pecuniary loss and anticipated pecuniary loss or any social disadvantage which result, or may be thought likely to result, from the wrong which has been done. They may also include the natural injury to his feelings — the natural grief and distress which he may have felt at having been spoken of in defamatory terms, and if there has been any kind of high-handed, oppressive, insulting or contumelious behaviour by the defendant which increases the mental pain and suffering caused by the defamation and may constitute injury to the plaintiff's pride and self-confidence, these are proper elements to be taken into account in a case where the damages are at large. (Penekanan ditambah.)

A

B

[74] Saya juga ingin merujuk kepada kes Mahkamah Rayuan, *MGG Pillay v Tan Sri Dato' Vincent Tan Chee Yioun & Other Appeals* [1995] 2 MLJ 493 di mana Gopal Sri Ram HMR, telah memutuskan, di antara lain, seperti berikut:

C

*Libel is a tort actionable per se, ie without proof of actual harm.* The law presumes that when a man's reputation is assailed, some damage must result. (Penekanan ditambah.)

D

[75] Kes tersebut juga menggariskan bahawa:

E

In assessing damages, there is no basis for any judicial policy that is directed at awarding very low damages for defamation. *Injury to a person's reputation may occasion him at least as much, if not greater, harm than to his or her physical self.* (Penekanan ditambah.)

F

[76] Di dalam kes *Ling Wah Press (M) Sdn Bhd & Ors v Tan Sri Dato Vincent Tan Chee Yioun*, Mahkamah Persekutuan dalam 'held' (2) memutuskan bahawa:

G

Awards of damages in defamation cases cannot be equated with awards of damages in personal injury cases. In personal injury cases, there is no intention to cause harm or damage to the plaintiff. In defamation cases, the defendant intentionally publishes the injurious false statement to cause humiliation and anguish to the plaintiff and to injure his reputation. The award of damages given to the plaintiff in a defamation case serves as a vindication of the plaintiff to the public and as a consolation to him for a wrong done.

H

[77] Apa yang pasti dari prinsip kes-kes di atas ialah saya wajar mengelakkan daripada memberikan award besar-besaran 'mega award' di dalam sesuatu kes. Setiap kes adalah bergantung kepada fakta-fakta dan keadaannya sendiri. Setelah menimbangkan semua faktor yang relevan dan juga prinsip undang-undang yang terpakai sebelum ini, mahkamah memutuskan bahawa RM200,000 adalah patut dan sesuai sebagai ganti rugi am untuk diawardkan kepada plaintif-plaintif di dalam kes ini.

I

**A** *Ganti rugi teruk/terlampau (aggravated damages)*

[78] Mengenai isu ganti rugi terlampau (*aggravated damages*), mahkamah boleh memberikan award tambahan atau meningkatkan jumlah award. Award ganti rugi ini dikenali sebagai ‘aggravated damages’ dan diberi di dalam keadaan di mana perlakuan defendan telah meningkatkan kecederaan kepada plaintif iaitu meningkatkan penderitaan, rasa malu dan aib kepada plaintif (*imposed on the defendant whose conduct increased the injury to the plaintiff by subjecting him to distress, embarrassment, or humiliation*). Ganti rugi teruk atau terlampau di awardkan di dalam kes-kes di mana terdapat ‘aggravating factors’ dan faktor-faktor yang diambil kira oleh mahkamah adalah seperti berikut:

- B**
- C**
- (1) *kedudukan dan status plaintif dalam komuniti plaintif-plaintif dan defendan;*
- D**
- (2) jenis unsur-unsur fitnah yang terlibat;
- (3) cara dan skop keluasan penyebaran terbitan berkenaan;
- (d) *perlakuan (conduct) defendan daripada tarikh penerbitan rencana berkenaan hingga keputusan mahkamah;*
- E**
- (e) *sikap melulu (recklessness) defendan dalam menentukan kesahihan dan kebenaran pernyataan yang dibuat; dan*
- (f) *niat jahat (malice) defendan di dalam menyebabkan penerbitan pernyataan tersebut.*
- F** (Penekanan ditambah.)

[79] Di dalam kes *Ling Wah Press (M) Sdn Bhd v Tan Sri Dato Vincent Tan Chee Yioun*, Mahkamah Persekutuan pada ms 86 telah merujuk kepada kes *Sutcliffe v Pressdram Ltd* [1991] 1 QB 153, CA di mana Nourse LJ pada ms 184 telah memutuskan sedemikian:

- G**
- The conduct of the defendant which often be regarded as aggravating the injury to the plaintiff’s feelings, so as to support a claim for ‘aggravated’ damages, includes a *failure to make any or any sufficient apology and withdrawal*; and a repetition of the libel persistence by way of prolonged and hostile cross-examination of the plaintiff.
- H** (Penekanan ditambah.)

[80] Selanjutnya di dalam kes tersebut, rujukan dibuat kepada kes *Baltrop v Canadian Corp* (1978) 86 DLR 61 pada ms 79 (NSSC App Div) di mana mahkamah tersebut telah memutuskan sedemikian:

- I**
- Serious damage to reputation requires heavy compensation, even if no specific loss is or can be shown.* Here a man of international reputation is vilified in the eyes of his professional confreres. *He thus suffers greatly, though he may not lose a single dollar.*
- (Penekanan ditambah.)

- [81] Setelah menimbang faktor-faktor yang relevan, saya berpendapat bahawa ganti rugi sejumlah RM100,000 adalah berpatutan dan sesuai diawardkan sebagai ganti rugi teruk atau terlampau kepada plaintif-plaintif di dalam kes ini. Award ini mengambil kira kedudukan dan status LZS dan MAIS dalam komuniti atau masyarakat Islam, ia juga mengambil kira perlakuan defendan yang selepas penjelasan diberi oleh Mais yang menafikan tuduhan defendan, di mana penjelasan tersebut telah disiarkan di dalam akhbar *Sinar Harian* pada 18 Mac 2009; defendan masih tidak mahu atau enggan memohon maaf dan menarik balik pernyataan libel tersebut. Malah defendan mencabar plaintif-plaintif (disiar di dalam akhbar yang sama pada 19 Mac 2009) dengan dakwaan bahawa beliau mempunyai ‘Maklumat lengkap’ berhubung tuduhan beliau bahawa plaintif-plaintif tidak mengagihkan wang zakat kepada mereka yang berhak menerimanya tetapi sebaliknya memindahkan berjuta-juta wang tersebut ke dalam akaun Takaful Structured Invest di bawah MAA Takaful. A
- [82] Defendan dengan ‘Maklumat lengkap’ ini tidak membuat apa-apa aduan atau laporan sama ada kepada pihak polis atau kepada pihak Suruhjaya Pencegah Rasuah Malaysia (‘SPRM’) walaupun telah membuat usul di DUN dan mengulangi tuduhan tersebut di luar persidangan DUN kepada seorang wartawan akhbar *Sinar Harian* supaya siasatan secara lebih telus, berani dan cekap dijalankan terhadap plaintif-plaintif. Sekiranya ada ‘Maklumat lengkap’ berkaitan tuduhan tersebut, soalnya kenapa beliau tidak berbuat demikian? B
- [83] Sehingga pada hari perbicaraan pun, defendan tidak mahu menggalah, tetapi masih tegar dengan pendirian beliau. Malah defendan cuba menjustifikasikan perlakuan beliau dengan penegasan bahawa kenyataan tersebut hanya semata-mata bersifat akademik, tanpa ada niat serong. Tetapi defendan tidak atau gagal mengemukakan sebarang bukti mengenai tuduhan beliau atau mengemukakan sebarang maklumat untuk membuktikan bahawa tuduhan beliau adalah benar atau berasas kepada fakta semasa perbicaraan. Ini menunjukkan sikap melulu (*recklessness*) beliau yang tidak endah untuk menentukan kesahihan dan kebenaran tuduhan/tohmahan yang dibuat. C
- [84] Saya juga memutuskan bahawa defendan mempunyai niat jahat (*actual malice*) terhadap plaintif-plaintif. Ini kerana selepas plaintif-plaintif menafikan tuduhan defendan dan memberi penjelasan di mana penjelasan tersebut telah disiarkan di dalam akhbar *Sinar Harian* pada 18 Mac 2009, defendan telah sekali lagi mencabar plaintif-plaintif dengan mengatakan bahawa beliau mempunyai ‘Maklumat lengkap’ berkaitan tuduhan beliau di mana cabaran defendan telah disiarkan di dalam akhbar yang sama pada 19 Mac 2009. Akan tetapi defendan gagal untuk membuktikan tuduhan tersebut sehingga ke akhir perbicaraan. Defendan juga tidak menarik balik kenyataan-kenyataan libel tersebut dan enggan memohon maaf kepada plaintif-plaintif. Dari itu dalam keadaan yang sedemikian, di mana tuduhan atau tohmahan kosong dibuat D
- E
- F
- G
- H
- I



- A sewenang-wenangnya tanpa berasaskan kebenaran, maka ganti rugi teruk/terlampau (*aggravated*) adalah sesuai diawardkan.

#### KESIMPULAN

- B [85] Sebagai rumusan, jawapan kepada isu pertama, kedua dan ketiga adalah positif; iaitu kenyataan yang dibuat oleh defendan pada 16 Mac 2009 seperti diplidkan dalam perenggan 5 pernyataan tuntutan dan kenyataan defendan yang diterbitkan di dalam akhbar *Sinar Harian* pada 17 dan 19 Mac 2009 (artikel pertama dan kedua) adalah bersifat fitnah terhadap plaintiff-plaintif.
- C Mengenai isu keempat, jawapannya juga positif. Ini kerana defendan dalam perenggan 4 dan 16 pernyataan pembelaan tidak menafikan bahawa beliau telah menyebabkan atau mengakibatkan penerbitan kedua-dua kenyataan tersebut di dalam artikel pertama dan kedua akhbar *Sinar Harian*. Beliau juga tidak
- D mempertikaikan kesahihan kenyataan-kenyataan tersebut. Isu kelima pula, jawapannya juga positif. Kes-kes telah memutuskan bahawa kerugian yang dialami oleh seseorang plaintiff tidak perlu dalam bentuk kewangan (*pecuniary*) asalkan reputasi, imej atau integriti seseorang (sebuah institusi) itu tercemar akibat penyiaran fitnah tersebut. Malahan libel adalah suatu tort yang boleh
- E didakwa dengan sendirinya, iaitu, tanpa perlu membuktikan kerosakan atau kerugian sebenar kerana undang-undang menganggap bahwa jika reputasi seseorang itu diserang (di sini sebuah institusi), maka kerosakan/kecederaan pasti berlaku. (*Libel is a tort actionable per se, ie without proof of actual harm since the law presumes that when a man's reputation is assailed, some damage must result*).
- F
- G [86] Oleh itu berdasarkan alasan-alasan di atas, saya memutuskan bahawa plaintiff-plaintif telah berjaya, pada imbangkan kebarangkalian, membuktikan tuntutan mereka terhadap defendan di dalam kes ini. Maka dengan ini saya memerintahkan:
- H (a) defendan membayar ganti rugi RM200,000 sebagai ganti rugi am kepada plaintiff-plaintif;
- (b) defendan membayar ganti rugi RM 100,000 sebagai ganti rugi teruk atau terlampau (*aggravated damages*) kepada plaintiff-plaintif;
- I (c) satu perintah injuksi menghalang defendan sama ada dengan sendiri, melalui ejen dan/atau pekhidmat-pekhidmat beliau dalam apa cara sekalipun daripada terus menerbit dan/atau mengakibatkan penerbitan perkataan-perkataan fitnah tersebut dan tohmahan lisan tersebut atau apa-apa tohmahan dan pengataan yang sama atau berkaitan yang menfitnah plaintiff-plaintif; dan
- (d) faedah pada kadar 8% setahun ke atas jumlah penghakiman daripada tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh.

KOS

A

[87] En Hasnal Rezua Merican, peguam plaintif-plaintif memohon RM50,000 dan En Anwar Ezzad Zainal, peguam defendan pula, memohon RM30,000 sebagai kos tindakan kes ini. Saya berpendapat bahawa RM30,000 adalah sesuai dan berpatutan bagi kes ini.

B

*Tuntutan plaintif-plaintif dibenarkan dengan kos sebanyak RM30,000.*

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor

C

---

D

E

F

G

H

I